



**Malay ab initio – Standard level – Paper 1**  
**Malais ab initio – Niveau moyen – Épreuve 1**  
**Malayo ab initio – Nivel medio – Prueba 1**

Friday 8 May 2015 (afternoon)  
Vendredi 8 mai 2015 (après-midi)  
Viernes 8 de mayo de 2015 (tarde)

1 h 30 m

---

**Text booklet – Instructions to candidates**

- Do not open this booklet until instructed to do so.
- This booklet contains all of the texts required for paper 1.
- Answer the questions in the question and answer booklet provided.

**Livret de textes – Instructions destinées aux candidats**

- N'ouvrez pas ce livret avant d'y être autorisé(e).
- Ce livret contient tous les textes nécessaires à l'épreuve 1.
- Répondez à toutes les questions dans le livret de questions et réponses fourni.

**Cuaderno de textos – Instrucciones para los alumnos**

- No abra este cuaderno hasta que se lo autoricen.
- Este cuaderno contiene todos los textos para la prueba 1.
- Conteste todas las preguntas en el cuaderno de preguntas y respuestas.

Blank page  
Page vierge  
Página en blanco

**Teks A**

# Kad Ucapan Hari Raya

- 1** Hari Raya hampir tiba. Terkenang waktu saya masih di sekolah dahulu. Apabila tiba Hari Raya, yang saya nantikan ialah kedatangan posmen. Posmen kampung kami bernama Pak Mat. Dialah yang membawa kiriman kad ucapan Hari Raya atau "Kad Raya" ke kampung kami. Kad raya dihantar oleh orang yang tinggal jauh di kampung atau bandar lain. Biasanya, mereka menghantar kad raya kepada kawan-kawan, saudara-mara dan ahli keluarga kerana tidak dapat pulang ke kampung untuk berhari raya bersama orang yang disayangi. Namun begitu, ada juga orang yang menghantar kad raya kepada rakan-rakan dan guru-guru sekolah, saudara-mara serta jiran yang tinggal dekat dengan rumah mereka untuk meriahkan lagi suasana Hari Raya.
- 2** 10 Saya masih ingat lagi, saya berasa begitu gembira apabila kawan-kawan memberikan kad raya kepada saya di sekolah. Saya cemburu dengan kawan saya Ali kerana setiap tahun dia mendapat kad raya yang paling banyak di sekolah. Dia mempunyai ramai "peminat" dan paling "popular" di sekolah. Saya bukanlah orang yang terkenal di sekolah. Jadi, kad raya saya hanya beberapa keping daripada kawan-kawan sekelas saya. Kami masih berkawan baik hingga sekarang.
- 3** 15 Walaupun begitu, saya membalias setiap kad yang saya terima. Saya simpan duit poket sekolah dan beli kad yang murah sahaja. Masa itu, kad raya berharga sepuluh sen sahaja satu keping. Kad yang ada lampu kelip-kelip atau muzik sangat mahal. Kad raya dahulu ada gambar masjid, lemang, ketupat dan pelita. Namun, saya selalu memilih kad raya bergambar kartun kerana disukai rakan-rakan saya. Ucapan yang selalu tertulis pada kad raya ialah, "Selamat Hari Raya Aidilfitri" atau "Salam Aidilfitri". Seterusnya, mesti ada baris, "Maaf Zahir dan Batin".
- 4** 20 25 Semua kad yang diterima saya gantung pada dinding rumah sebagai perhiasan Hari Raya. Lagi banyak kad yang digantung, lagi bagus! Bangga dilihat kawan-kawan yang datang beraya ke rumah!
- 5** 30 35 Dalam zaman **[ – X – ]** maklumat dan komunikasi kini, tidak ramai orang yang menghantar kad raya lagi. Internet telah mengubah segalanya. Kini, **[ – 9 – ]** "Selamat Hari Raya" dihantar secara digital melalui laman **[ – 10 – ]** seperti Facebook, Twitter, Instagram dan sebagainya. Ucapan melalui pesanan ringkas atau pesanan multimedia juga sama hebatnya. Pelbagai jenis e-kad atau kad digital dengan gambar, muzik dan ucapan raya yang menarik boleh dimuat naik dalam laman sosial dan ditag kepada kenalan kita! Begitu mudah menyampaikan ucapan **[ – 11 – ]** raya sekarang. Kita tidak perlu tunggu posmen berhari-hari untuk menerima **[ – 12 – ]** raya seperti tahun 80-an dan 90-an dahulu.



Disesuaikan daripada [www.ceritera-zinc86.blogspot.com](http://www.ceritera-zinc86.blogspot.com) (2012)

**Turn over / Tournez la page / Véase al dorso**

**Teks B**

# Demam Bola Sepak Dunia



semburan lenyap



teknologi garisan gol



LEONIDAS

**Bola sepak Piala Dunia FIFA**

① Empat tahun sekali, demam bola sepak akan melanda negara Malaysia dan seluruh dunia. Empat tahun sekali pertandingan bola sepak Piala Dunia FIFA akan berlangsung. Piala Dunia FIFA 2014 merupakan kejohanan yang ke-20 dan berlangsung di Brazil antara 12 Jun hingga 13 Julai 2014. Ini merupakan kali kedua Brazil menjadi tuan rumah untuk Piala Dunia FIFA. Brazil menjadi tuan rumah Piala Dunia FIFA kali pertama pada tahun 1950.

② Piala Dunia FIFA yang pertama diadakan antara 13 hingga 30 Julai 1930, di Uruguay, dengan disertai hanya 13 buah negara. Uruguay dipilih menjadi tuan rumah pertandingan bola sepak tersebut kerana memenangi pingat emas dalam acara bola sepak Sukan Olimpik 1928. Pertandingan bola sepak tersebut berlangsung di Stadium Centenario di Montevideo, iaitu ibu negeri Uruguay. Pada pertandingan akhir Uruguay menewaskan Argentina dengan 4 gol berbalas 2. Seramai 93 000 orang penonton menyaksikan kemenangan Uruguay dan Uruguay menjadi juara pertama Piala Dunia FIFA.

**Pemain tanpa kasut**

③ 15 Leonidas merupakan pemain Brazil yang akan sentiasa diingati dalam sejarah Piala Dunia. Ketika perlawanan antara Brazil dan Poland pada kojahanan Piala Dunia FIFA 1938, Leonidas dikeluarkan dari padang kerana tercedera. Akan tetapi, sebentar kemudian, dia memasuki semula padang tanpa memakai kasut. Apabila pengadil sedar Leonidas tidak memakai kasut, beliau menyuruhnya memakai kasut. Akan tetapi, Leonidas sudahpun menjaringkan gol tanpa kasut. Brazil menang 6–5 dalam kejohanan tersebut.

**Teknologi baru dalam Piala Dunia FIFA**

④ 25 Pada kejohanan Piala Dunia FIFA 2014 di Brazil, teknologi garisan gol telah digunakan buat pertama kalinya. Teknologi tersebut membantu pegawai dan pengadil memastikan sesuatu bola itu telah melepas garisan gol. Semburan lenyap digunakan untuk menandakan garisan 10 ela (yard) semasa sepakan percuma dan juga tempat bola diletakkan untuk sepakan percuma.

- ⑤ Brazuca ialah nama bola rasmi Piala Dunia FIFA 2014. Nama tersebut telah dipilih oleh lebih 1 juta peminat bola sepak Brazil. Brazuca bermaksud “cara kehidupan Brazil”.
- ⑥ 30 Apabila tibanya Piala Dunia, masyarakat dunia berasa sangat teruja. Ramai orang yang tidak tidur pada waktu malam atau bangun awal pagi untuk menonton pertandingan bola sepak pasukan yang mereka minati. Fenomena bola sepak melanda peminat bola sepak di seluruh dunia menjelang Piala Dunia. Bola sepak merupakan sukan yang menyatukan masyarakat seluruh dunia.

Disesuaikan daripada *Kuntum* (2014)

Turn over / Tournez la page / Véase al dorso

**Teks C**

## Perokok Wanita Bertambah



serangan jantung

- ① Menurut doktor Pakar Perunding Perubatan Dalaman dan Gastroenterologi, Dr Khor Boon Pin, jumlah perokok semakin meningkat setiap tahun. Statistik menunjukkan satu daripada setiap lima kematian disebabkan oleh kesan asap rokok. Seorang perokok mengambil 14 batang rokok setiap hari secara purata. Pada tahun 1998, 5 10000 kematian yang direkodkan di Malaysia adalah berpunca daripada penyakit yang disebabkan oleh gejala merokok.
- ② Daripada jumlah tersebut, perokok wanita juga semakin bertambah. Wanita yang merokok di Malaysia secara purata berumur antara 15 hingga 40 tahun. Ada beberapa sebab perokok wanita semakin bertambah di negara ini. Satu antara sebabnya 10 ialah gaya hidup wanita hari ini yang semakin moden. Ramai wanita hari ini tinggal jauh daripada keluarga. Mereka tinggal bersama rakan-rakan mereka. Rakan-rakan yang tinggal serumah dengan mereka mungkin mempunyai tabiat merokok. Situasi ini menyebabkan mereka terpengaruh untuk merokok. Keluarga yang berjauhan tidak dapat mengawasi mereka, jadi mereka bebas untuk merokok. Ramai juga wanita hari ini terdedah kepada gaya kehidupan moden termasuk budaya merokok. Hal tersebut 15 menimbulkan keinginan di hati mereka untuk merokok dan mereka terus menjadi ketagih dengan tabiat merokok. Ada juga wanita yang berpendapat, merokok dapat mengurangkan selera makan mereka. Apabila selera makan mereka kurang, mereka tidak perlu berdiet untuk mengurangkan berat badan mereka. Tidak semestinya 20 merokok mengurangkan berat badan. Malah, jika seseorang wanita itu berhenti merokok secara tiba-tiba, wanita tersebut mungkin akan mengalami kenaikan berat badan.
- ③ Kandungan asap rokok sangat berbahaya kepada badan manusia. Tar mengandungi 25 bahan kimia yang boleh menyebabkan penyakit kanser. Nikotin dalam rokok pula boleh menyebabkan ketagihan kepada rokok. Nikotin juga membawa risiko penyakit serangan jantung dan strok. Di Malaysia, hampir  $\frac{1}{4}$  pesakit serangan jantung mempunyai tabiat merokok. Penyakit jantung merupakan penyebab utama kematian di Malaysia. Strok pula merupakan punca kematian yang ke-4 di Malaysia. Karbon monoksida pula 30 ialah gas beracun yang biasanya dikeluarkan oleh ekzos kenderaan. Jika badan kita mengandungi lebih 60% karbon monoksida, ia boleh menyebabkan kematian.

Disesuaikan daripada *Rapi* (2014)

**Teks D**

## Pengguna Bijak Telefon Pintar



- ① Kajian menunjukkan pengguna telefon pintar semakin bijak menggunakan teknologi maklumat dan komunikasi. Semakin ramai pengguna yang menggunakan teknologi maklumat dan komunikasi untuk mengubah kehidupan mereka. Permintaan pengguna terhadap aplikasi dan perkhidmatan berkaitan sektor industri dan masyarakat semakin tinggi.
- ② Alat ini yang aktif digunakan di peringkat antarabangsa telah mengubah cara kita berkomunikasi dan menggunakan Internet. Kini, kita memasuki fasa baru dengan pelbagai fungsi dan penggunaan telefon pintar. Kata laluan dengan nombor, huruf dan simbol mungkin tidak akan digunakan lagi pada masa hadapan. 74 % pengguna percaya bahawa telefon pintar berteknologi biometrik akan menjadi penting pada masa hadapan. 40 % pengguna mahu telefon pintar mereka merekodkan semua aktiviti fizikal mereka. Pengguna Internet juga paling tidak puas hati dengan kualiti Internet dalam keretapi bawah tanah. Akses Internet di seluruh dunia masih tidak berjaya sepenuhnya. Ada lagi tempat di dunia yang tidak mempunyai capaian Internet. Akan tetapi, telefon pintar yang lebih murah telah menyebabkan lebih ramai pengguna dapat menggunakan Internet. Mereka tidak perlu membeli komputer yang lebih mahal untuk mengakses Internet. Hampir 51 % pengguna mengatakan telefon pintar merupakan alat paling penting untuk mereka melayari Internet.
- ③ Internet menjadi sebahagian daripada keperluan hidup seharian kita. Namun begitu, terdapat masalah yang berkaitan dengan privasi. Hampir 56 % pengguna telefon pintar bimbang dengan masalah-masalah berkaitan dengan privasi mereka setiap hari. Perkhidmatan Internet interaktif kini merupakan perkara biasa. 60 % daripada pengguna telefon pintar percaya bahawa pada masa hadapan, sensor akan digunakan dalam segala bidang termasuk penjagaan kesihatan, pengangkutan awam, kereta, rumah dan tempat kerja. Secara keseluruhannya, pengguna telefon pintar menghabiskan 19 % daripada masa mereka untuk menggunakan telefon atau tablet. Kajian menunjukkan pengguna selalu bertukar tempat mereka menonton televisyen. Pengguna mungkin mula menonton sesuatu program di rumah sebelum berhenti dan memulakan perjalanan mereka ke tempat kerja. Kemudian, dalam perjalanan ke tempat kerja, mungkin mereka sambung menonton program tersebut. Hal tersebut sangat sesuai dengan gaya hidup sehari-hari pengguna telefon pintar masa kini yang sentiasa sibuk dan selalu bergerak.

Disesuaikan daripada *Majalah PC* (2014)